

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Masa Biasa Minggu Ke-4

DIBAPTIS DAN DIUTUS

TEMA BULANAN:
PANGGILAN KE DALAM KESUCIAN

Mencintai Semuanya



Kebelakangan ini, berita tentang penganiayaan pekerja-pekerja pendatang asing, sama ada pembantu rumah atau pekerja oleh majikan mereka semakin berleluasa walaupun undang-undang yang lebih ketat telah digubal. Setakat ini, sejumlah 2.7 juta pendatang-pendatang asing telah berdaftar di Malaysia, dan segolongannya terdiri daripada pelarian UNHCR. Golongan tersebut melarikan diri daripada peperangan ataupun kemiskinan. Namun, kebanyakan di antara mereka mempunyai permit pekerjaan yang sah.

*Ke arah
kekudusan di
mana anda
diseru oleh
Tuhan akan
berkembang di
dalam perkara
yang remeh
temeh.*

- Paulus Fransiskus



Bacaan Injil Harian:

Jer 1, 4-5. 17-19;
Ps 70, 1-2. 3-4. 5-6.
15 dan 17;
1 Kor 12, 31-13,
Lk 4, 21, 21-30

Ironiknya kebanyakan kita di Malaysia jika dikesan asal usul kita, adalah dari status pendatang juga. Malah, segelintir di antara kita baru mencecah generasi kedua. Namun, segolongan boleh dikesan kembali ke Zaman Kesultanan Melaka pada abad ke-15. Yang menyedihkan, isu-isu keturunan telah digunakan oleh sesetengah golongan untuk menetapkan hak-hak, mengeksploitasikan isu-isu perkauman dan keagamaan untuk mengukuhkan hak mereka. Mungkin itulah sebab kegembiraan kita menjelang Malaysia Baru kerana kita berupaya membawa perbezaan. Jika kita boleh menghargai kegembiraan istilah Malaysia Baru, maka kita haruslah berkongsi semangat keadilan itu kepada mereka yang berbeza daripada kami - terutamanya 2.7 juta pendatang-pendatang di kalangan kita yang membasuh tandas kita, membina jalan-jalan kita, bekerja sebagai pelayan di kafe-kafe dan restoran-restoran yang kita bertembung setiap hari.

Yesus, setelah mendapat pengakuan di atas petikan dan tatal Yesaya-Nya di dalam Injil, disambut dengan penolakan serta-merta dari orang ramai. Orang ramai ini yang berasa mereka berhak ataupun mempunyai keistimewaan terhadap hak-hak tertentu, menjadi kurang selesa apabila mendengar tentang perkongsian hak-hak tersebut dengan orang lain, terutama sekali pendatang-pendatang asing atau orang-orang lain yang berbeza daripada mereka. Pada zaman Yesus, orang-orang itu adalah dari Sidonia atau Syria - adakah mereka pada hari ini datang dari Bangladesh atau Myanmar? Adakah kita terjatuh ke dalam perangkap "hak-hak" ini juga? Adakah kita mempertahankan ketuanan kita di hadapan jiran-jiran kita? Adakah kita golongan yang teristimewa manakala yang lain tidak? Bagaimana pula dengan cara kita melayan dan memanggil mereka, contohnya seseorang katolik yang telah bercerai, anak-anak yang tidak dibaptis, atau mereka yang ditinggalkan di bawah kategori LGBT - dan bagaimana pula bagi mereka yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang? Adakah kita berasa kurang selesa dengan kehadiran mereka di sisi? Adakah kita berasa kurang selesa dengan kehadiran mereka di sisi? Siapakah kawan-kawan kita dan di manakah persahabatan sejati? Inilah soalan-soalan yang sukar dijawab, tetapi amat memerlukan jawapannya walaupun tidak kurang sukar diberi.

Santo Paulus mengingatkan kita dalam 1 Korintus 13 - **kekudusan itu cinta, dan cinta itu kesucian**, iaitu kisah cinta Yesus melingkumi semua orang, terutamanya orang asing dan golongan yang miskin; semua orang adalah penting dan dikasihi; dan tidak sesekali ditentukan oleh isi dompet mereka dan bahasa yang dituturkan. Kita tidak lagi mempunyai hak yang eksklusif di dalam keimanan, malah kita seharusnya berkongsi rahmat yang kita terima sebagai hadiah yang percuma, dengan semangat inklusif untuk memberikan cahaya kepada orang-orang lain. Cinta mestilah menjadi motivasi kita. Adakah kita benar-benar melihat Kristus dalam semua orang? †

*Perkataan
mingguan*

**Kekudusan itu
cinta, dan cinta
itu kesucian.**



GEREJA VISITATION

85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544
 Emel : serembanvisitation@gmail.com
 Laman Web : www.visitationseremban.org
 Paderi Paroki : Rev. Fr George Harrison
 Pembantu Paderi Paroki: Fr. Xavier Andrew

TEMA UNTUK 2019 PEMURIDAN : DIBAPTIS DAN DIUTUS. Tema untuk Februari 2019 Menginjil / Memanggil : Panggil kami ke dalam kekudusan.

WAKTU PEJABAT PAROKI
 Isnin - Jumaat
 8.30pg - 5.30 ptg
 Sabtu : 8.30am - 7.30 pm
 Ahad: 8.30 pg - 3.00 ptg
 Pengakuan di dalam Gereja
 ½ jam sebelum semua Misa
 mengikut kesediaan paderi



PROGRAM MINGGU INI 02 - 10 FEBRUARI 2019

HARI MINGGU BIASA KE-4 (TAHUN C) : Yer 1, 4-5, 17-19 Mzm 70, 1-2, 3-4a, 5-6ab, 15ab dan 17 1 Kor 12, 31-13, 13 Luk 4, 21-30

"Aku hendak memuji namaMu ya Tuhan, selama-lamanya" (Mazmur 70)

Sabtu	02	5.00 ptg 6.00 ptg	Rosari / Novena / Benediction Misa (E) (Animasi : St. Basil)	7.30 pg : Pesta Yesus dipersembahkan di Bait Allah/pemberkatan lilin/perarakan 8.30 pg - 1 ptg : Retret katekis
Ahad	03	7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg 1.00 ptg	Misa (T) (Animasi: St. Hilary) Misa (E) Animasi: St. Ambrose) Misa (C) Misa (BM)	Tiada kelas minggu RCIA (T) 9.00 -10.30 pg ; RCIA (BM) 11.00 pg -12.30ptg RCIA (E) 11.00 -12.30ptg ; RCIA(M) : 8.45 -10.15 pg
Isnin	04	6.45 pg	Misa	9.00 ptg : Titi : Misa malam CNY
Selasa	05	8.30 pg	Misa	Misa CNY
Rabu	06	6.45 pg	Misa	
Khamis	07	6.45 pg	Misa	7.30 ptg : Saat teduh diikuti dengan Misa Kudus (T) di Chapel St. Paul the Hermit, Rahang
Jumaat	08	6.45 pg	Misa	7.00 ptg : Novena & Misa di Chapel of Our Lady of Lourdes, Sagga

HARI MINGGU BIASA KE-5 (YEAR C) :Yes 6, 1-2a, 3-8, Mzm 137, 1-2a 2bc, 3, 4-5, 7v-8, 1Kor 15, 1-11 Luk 5, 1-11

"Di hadapan para dewata aku hendak bermazmur bagi Mu ya Tuhan" (Mazmur 137)

Sabtu Feb	09	5.00 ptg 6.00 ptg	Rosari / Novena / Benediction Misa (E) (Animasi : St. Youth)	09 & 10 Feb : Pemberkatan khas bagi mereka yang sakit /tua Misa Kudus
Ahad	10	7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg	Misa (T) (Animasi St. Joseph) Misa (E) (Animasi: RE- Primary 6) Misa (C)	RE(T): 8.45-10.15 pg; RE(C) :9- 10.30 pg : RE(E) & (BM) 10.45 -12.15tgh RCIA (T) 9.00 -10.30 pg ; RCIA (BM) 11.00 pg -12.30tgh RCIA (E) 11.00 -12.30ptgh ; RCIA(M) : 8.45 -10.15 pg

Kami mengalu-alukan kehadiran ahli paroki / pelajar daripada Universiti / Kolej di sekitar Seremban. Sila mendaftar di pejabat paroki atau emel ke : serembanvisitation@gmail.com. Anda akan menerima Kad Doa (Magnificat). Berdoalah setiap hari.

BERITA / ACARA BAGI FEBRUARI 2019

- Pungutan Mingguan Paroki** :
26 / 27 Jan 2019 : RM9,039.70
Tuhan memberkati semua penderma
- Pungutan ke-2 akan dijalankan minggu ini 02/03 Februari untuk *Ministry of the Social Concern*
Tuhan memberkati semua penderma
- Jualan Artikel Kudus**
 - Kalendar Liturgi 2019 (Eng) : RM6.00 senaskah
 - Kalendar Liturgi 2019 (Tamil) : RM 5.00 senaskah
 - Diari Alkitab 2019 (Eng/Tamil) : RM20.00 senaskah

Berdoa bagi mereka yang telah meninggal dunia :

- Maria Chin Yoon Nyong (d.o.d : 27/01/19)
- Savariammal (d.o.d : 27/01/19)
Semoga cahaya terang bersinar ke atasnya.

iv) **Bercadang untuk berkahwin ?** Pertama, isi butiran peribadi di pejabat paroki dan berjumpa dengan paderi (sekurang-kurangnya setahun sebelum perkahwinan). **Bagi perkahwinan tahun 2019**, sila aturkan temu janji untuk berjumpa paderi paroki. Tarikh-tarikh untuk kursus perkahwinan boleh didapati.

v) **Jadual Animasi Misa KED** untuk Januari hingga June 2019 sudah disediakan. Semua coordinator KED/Zon diminta mengambil jadual tersebut di pejabat paroki.

vi) **Tim Media Paroki**: Kita berterima kasih kepada Michael Choong atas perkhidmatan beliau sebagai pengerusi tim ini. Mengalu-alukan Albert sebagai pengerusi baharu. Sila hantar berita & info. Emel: churchofthevisitation@gmail.com atau terminate79@gmail.com

vii) **Misa malam CNY di Titi** : 4/2/19(Isnin) @ 9.00 ptg
Misa CNY di Gereja: 5/2/19 (selasa) @ 8.30 na

Loceng perkahwinan - Tahniah kepada :

- Raja Suriah & Magdalene pd 9/2/19 @ 11.00 am
- Paul Selva & Evanaeline Shanaaarv bd 09/2/19 @ 3.30 bm

Terima kasih untuk Animasi Misa:
KED St. Basil & St. Ambrose (Sikamat) untuk minggu ini.

- **"Tahun Misi Luar Biasa"** : "Dibaptis dan diutus : Misi Gereja Kristus di dunia"
 - Tahun Misi Luar Biasa -T-shirt boleh didapati ! Sila letakkan pesanan anda hari ini ! White/Maroon/Black/Green/Light Blue (Sizes - XS/S/M/L/XL/XXL). More info on this soon
- **"Memahami Gereja"** - ceramah tentang pemahaman yang lebih baik dan penghargaan kepada Gereja diadakan pada 14 Feb 2019 (Khamis) dari 7 - 10 mlm) di APC, K.L. Penyertaan dengan min sumbangan minimum RM10.00 seorang. Hubungi 03-20266466
- **RACHEL'S VINEYARD** mengalu-alukan SESIAPA SAHAJA yang mempunyai pergelutan dengan kesakitan emosi dan rohani pengguguran. Retret 3hari/2malam akan diadakan di Penang pada 15-17 Mac 2019 dan di KL pada 21-23 Ogos, 2019. Tarikh tutup pendaftaran masing-masing pada 1 Mac dan 8 Ogos. Retret ini diatur khs untuk membantu para peserta mengalami rahmat, belas kasih, cinta dan penyembuhan Tuhan. Hubungi Mary (016-4190538)
- **Kelas Minggu** telah bermula. Pendaftaran masih dijalankan. Sila ke pejabat katekisme (atas kantin) untuk mendapatkan lebih info: Anthony Param : 012-6620949.
- **Kempen Prapaskah 2019** - Ceramah daripada tim AOHD, K.L. akan diadakan pada 16/2/19 @ 8.00 pg to 1 tgh di Dewan Visitation. Semua ketua KED/Zon/Ministry adalah diminta untuk hadir. Hubungi Charles (017-6158961) untuk maklumat lanjut.
- Bagi mereka yang **Sakit di Hospital atau terlantar di rumah** - sila hubungi & maklum kepada pejabat paroki. Paderi akan mengunjungi dalam masa terdekat.
- **EOMS /Special Ministers** untuk memastikan komuni kudus mingguan diberikan kepada mereka yang sakit/terlantar di Zon/KED anda.
- **Pemakaian untuk Misa** : semua umat, ketua, pelayan semasa Misa dinasihatkan untuk memakai pakaian yang kemas dan sesuai untuk Perayaan Ekaristi. **Elakkan** memakai Seluar Pendek / Pakaian terdedah, Singlet dan selipar Jepun. Sila berikan **penghormatan** semasa Misa. Datang dalam keadaan TERBAIK untuk memuji Tuhan!
- **Program Alpha dalam Bahasa** : 3/10/24 Februar & 3 March @ 2.30 ptg -6.00 ptg di Dewan Visitation. Hubungi : Maria (014-3503718). Semua adalah dijemput .

• **8 (Jumaat) - 10 (Ahad) Feb** : Pesta Our Lady of Lourdes, Sagga, Rantau
 Hubungi : Robert (011 28551708)
 8/2/19 (Jumaat) : 7.00 ptg : Rosari / Menaikkan bendera / Saat teduh / Pengurapan / Misa
 9/2/19 (Sabtu) : 6.30 ptg : Rosari / Misa / Perarakan
 10/2/19 (Ahad) : 10.00 pg : Rosari / Misa Perayaan . Semua adalah dijemput

• 19 & 20 Februari : **Rekoleksi Bulanan Para Paderi di APC, K.L.**

**Pejabat Paroki akan ditutup sempena CNY pada 05 & 06 Februari 2019.
 Happy Chinese Lunar Year 2019 kepada mereka yang merayakan!**